

AirAsia adakan penerbangan Langkawi-Phuket mulai Januari

UM 14 AUG 2003

PUTRAJAYA 31 Ogos—Syarikat penerbangan Air Asia Sdn. Bhd. (AirAsia) akan mengadakan penerbangan terus pergi balik dari sektor Langkawi ke Phuket, Thailand mulai Januari tahun depan dalam usaha meningkatkan industri pelancongan di kedua-dua pulau peranginan itu.

Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy berkata, usaha membuka laluan baru itu adalah hasil perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Thailand, Thaksin Shinawatra yang mengadakan lawatan rasminya ke negara ini bulan lepas.

“Kerajaan juga meluluskan untuk membenarkan syarikat penerbangan di negara ini mengadakan penerbangan dari Langkawi ke destinasi lain termasuk Hatyai dan Bangkok.

“Ini adalah usaha bersama kedua-dua buah negara untuk mempromosi dan memudahkan pelancong berkunjung ke kedua-dua pulau itu,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pasca Kabinet di pejabatnya di sini hari ini.

Menurutnya, kelulusan untuk penerbangan bagi sektor Langkawi dan Phuket itu turut diberikan kepada Penerbangan Malaysia (MAS) tetapi pada masa ini ia belum bersedia untuk berbuat demikian.

“Saya fikir MAS memerlukan masa untuk mengadakan penerbangan ke sektor itu termasuk bagi menyelesaikan masalah logistik dan sebagainya,” ujarinya.

Kemudahan

Di samping itu beliau berkata, kerajaan juga mengalu-alukan syarikat penerbangan serantau yang beroperasi di Phuket untuk mengadakan penerbangan ke sektor Langkawi dan destinasi lain seperti Pulau Pinang pada masa akan datang.

“Kementerian akan mengambil inisiatif untuk memberikan kemudahan bagi membolehkan syarikat-syarikat penerbangan dari Thailand mengadakan penerbangan ke Langkawi dan destinasi lain di negara ini,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, langkah permulaan akan ditumpukan kepada sektor Langkawi dan Phuket bagi memberikan kemudahan kepada pelancong untuk pergi ke destinasi berkenaan.

“Adalah penting untuk menghubungkan kedua-dua pulau itu melalui jalan udara. Ini akan memberikan pelbagai faedah kepada kedua-dua buah negara termasuk bagi menjimatkan kos,” katanya.

Kong Choy menambah pihaknya sedang menunggu maklumat penuh daripada syarikat penerbangan itu mengenai kekerapan penerbangan bagi sektor berkenaan.

Dalam pada itu mengenai penculikan kapten dan dua orang kelasi sebuah kapal tangki Malaysia, M.T. Penrider oleh sekumpulan lelaki bersenjata semalam, beliau menjelaskan, kejadian itu adalah di luar bidang kuasanya kerana ia berlaku di perairan antarabangsa.

“Tetapi kita yakin pihak Polis Marin telah mempunyai kawalan keselamatan yang ketat bagi memastikan keselamatan kapal-kapal yang belayar di perairan negara ini,” katanya.